

## **SIARAN AKHBAR**

### **Pharmaniaga di Landasan Kukuh**

**KUALA LUMPUR, 3 April, 2013** – Sebagai sebuah kumpulan farmaseutikal terbesar di Malaysia, potensi perniagaan Pharmaniaga Berhad dijangka semakin kukuh pada tahun yang mendatang.

Bagi tahun kewangan semasa yang baru berakhir pada 31 Disember 2012, Pharmaniaga mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM63 juta, mewakili peningkatan 19% berbanding keputusan tahun kewangan 2011. Keputusan cemerlang ini dicapai berasaskan perolehan lebih tinggi berjumlah RM1.8 bilion untuk tahun fiskal dilaporkan berbanding keputusan tahun kewangan 2011.

YBhg Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin, Pengerusi, Pharmaniaga Berhad mengulas selepas Mesyuarat Agung Tahunan Pharmaniaga, "Sebagai pendahulu pasaran dalam sektor farmaseutikal, kami gembira dengan kemajuan yang dicapai, terutamanya dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan operasi dan mengukuhkan potensi pendapatan kami."

"Tambahan lagi, dengan cadangan pecahan saham membabitkan pembahagian setiap satu saham biasa sedia ada bernilai RM1 setiap satu menjadi dua saham biasa dengan nilai 50 sen sesaham serta terbitan bonus, kami yakin bahawa tahap kecairan saham Pharmaniaga akan meningkat."

"Di samping itu, kami telah mengekalkan rekod pencapaian yang konsisten dengan membayar dividen secara berkala untuk memberikan pulangan yang stabil kepada pemegang saham kami yang setia," tambah beliau.

"Dalam melangkah maju menempuhi tahun kewangan 2013, kami berhasrat untuk mengembangkan potensi besar yang terdapat di dalam Kumpulan. Dengan rangkaian produk yang bakal kami perkenalkan secara berperingkat, serta peluang jualan dalam sektor swasta dan awam, kami yakin dengan potensi kami sekiranya tiada perkara di luar jangka," rumus beliau.

## **Kenyataan tinjauan masa depan**

Siaran ini mungkin mengandungi kenyataan tinjauan masa depan berhubung dengan keadaan kewangan, keputusan operasi dan perniagaan Kumpulan dan rancangan dan objektif tertentu Pharmaniaga Berhad berhubung dengan perkara ini. Berasaskan cirinya, kenyataan tinjauan masa depan membabitkan risiko dan ketidakpastian kerana hubung kaitnya dengan peristiwa dan keadaan yang akan berlaku pada masa depan dan terdapat banyak faktor yang boleh menyebabkan keputusan dan prestasi sebenar pada masa depan berbeza secara ketara daripada yang dinyatakan secara tersurat atau tersirat dalam kenyataan tinjauan masa depan ini.

*-tamat-*

<p>Dikeluarkan bagi pihak: <b>Pharmaniaga Berhad</b> Oleh: <b>acorn communications sdn bhd</b> Untuk maklumat lanjut, sila hubungi <b>Roshen Dev</b> di <b>016 251 8694</b> atau <b>Syazwane Ghazali</b> di <b>03 7958 8348</b> Atau hantar e-mel ke <a href="mailto:acorncommunications@acornco.com.my">acorncommunications@acornco.com.my</a></p>
---